

**MINIT MESYUARAT MEMBINCANGKAN CADANGAN AKHIR DRAF PELAN TINDAKAN
PERBANDARAN RENDAH KARBON BANDAR BARU BANGI 2035**

TARIKH : 08HB. JANUARI 2019 (SELASA)
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT CEMPAKA PUTIH TINGKAT 7A,
MENARA MPKj

SENARAI KEHADIRAN

Hadir:

1. YBhg. Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar, *DPMS,SMS*: Yang Dipertua, MPKj
(Pengerusi)
2. YBhg. Datuk TPr. Nizam Bin Sahari, *DPSM* : Pengarah,
Jabatan Perancangan Pembangunan,
MPKj
3. En. Zahari Shukri Bin Zainal, *PPT* : Pengarah,
Jabatan Khidmat Pengurusan,
MPKj
4. En. Abdul Haizul Faisal Bin Badul Hamid, *PPT* : Pengarah,
Jabatan Penilaian dan
Pengurusan Harta, MPKj
5. En. Vikneswaren A/L Jeyasivam : Pengarah,
Unit Pusat Setempat (OSC),
MPKj
6. En. Mohamad Zikri Bin Ibrahim : Pegawai Kesihatan Persekitaran,
Jabatan Pengurusan Sisa
Pepejal & Pembersihan Awam,
MPKj
7. Pn. Suziana Binti Hanafi : Pegawai Teknologi Maklumat,
Bahagian Teknologi Maklumat
Jabatan Khidmat Pengurusan,
MPKj
8. En. Muhammad Izzat Bin Kamaruddin : Pegawai Penilaian
Jabatan Pesuruhjaya Bangunan,
MPKJ
9. Cik Khairani Binti Kamaludin : Penolong Pegawai Seni Bina (Kanan)
Jabatan Kawalan Bangunan,
MPKj

10. En. Pakhruddin Bin Abdullah : Penolong Pegawai Pertanian,
Jabatan Landskap dan Rekreasi,
MPKj
11. En. Mohammad Firdaus Bin Mohd Shah : Penolong Pegawai Pertanian,
Jabatan Landskap dan Rekreasi,
MPKj
12. En. Mohamad Shamir Bin Md Isa : Penolong Pegawai Pertanian,
Jabatan Landskap dan Rekreasi,
MPKj
13. En. Nasimuddin Bin Muhammad : Penolong Jurutera,
Jabatan Kejuruteraan, MPKj
14. En. Noor Adzeri Bin Adlan : Penolong Jurutera,
Jabatan Kejuruteraan, MPKj
15. En. Muhammad Azmi Bin Ismail : Penolong Pegawai Senibina
Bahagian Pengurusan Projek,
Jabatan Kejuruteraan, MPKj
16. Pn. Norehan Binti Muhamad Zahidi : Penolong Pegawai Tadbir,
Jabatan Korporat &
Pembangunan Masyarakat, MPKj
17. En. Khairul Naeim Bin Mohamed : Penolong Juruaudit
Unit Audit Dalam, MPKj
18. En. Azharuddin Bin Mohd Ali : Penolong Akauntan
Jabatan Perbendaharaan
Bahagian Hasil, MPKj
19. En. Muhamad Khairul Azman bin Isharudin : Penolong Pegawai Tadbir,
Jabatan Perlesenan dan Penjaja,
MPKj
20. Dr. Nor Kalsum Bin Mohd Isa : UPSI Holdings Sdn. Bhd.
21. Dr. Mohd Yazid Bin Mohd Yunos : Universiti Putra Malaysia
22. Dr. Noor Fazaminah : Universiti Putra Malaysia
23. TPr. Haji Abdul Hamid Bin Akub : AHA Planning Consultant

URUSETIA

1. En. Low Kar Yong : Peg. Perancang Bandar & Desa (Kanan),
Jabatan Perancangan Pembangunan,
MPKj
2. Cik. Nurshazwani Binti Mohamad Osman : Peg. Perancang Bandar & Desa,
Jabatan Perancangan Pembangunan,
MPKj
3. En. Norsaini Bin Mat Isa : Pen. Peg. Perancang Bandar & Desa
(Kanan), Jabatan Perancangan
Pembangunan, MPKj
4. Cik. Umi Noor Aqila Binti Zakaria : Pen. Peg. Perancang Bandar & Desa,
Jabatan Perancangan Pembangunan,
MPKj

1.0 UCAPAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam sejahtera dan seterusnya mengalu-alukan kehadiran semua yang hadir ke Mesyuarat Membincangkan Cadangan Akhir Draf Pelan Tindakan Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi 2035.
- 1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan maklum balas akhir dari semua jabatan-jabatan yang terlibat bagi kesemua cadangan dan tindakan yang dikemukakan di dalam Draf Pelan Tindakan Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi 2035, seterusnya mengesahkan dan menerima laporan ini.
- 1.3 Pengerusi juga memaklumkan bahawa jabatan-jabatan yang terlibat perlu memberi kerjasama dalam melaksanakan pelan tindakan ini bagi meningkatkan aspek kualiti alam sekitar dan kehidupan sosial penduduk di Bandar Baru Bangi.
- 1.4 Pengerusi menyerahkan mesyuarat kepada pihak perunding (UPSI Holdings Sdn, Bhd.) untuk membentangkan Cadangan Akhir Draf Pelan Tindakan Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi 2035.

2.0 PERBENTANGAN CADANGAN AKHIR DRAF PELAN TINDAKAN PERBANDARAN RENDAH KARBON BANDAR BARU BANGI 2035 OLEH UPSI HOLDINGS SDN. BHD.

- 2.1 Wakil UPSI Holdings Sdn. Bhd. memaklumkan bahawa Draf Pelan Tindakan Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi 2035 telah ditambah baik dengan mengambil kira kesemua maklum balas dan beberapa siri perbincangan yang diadakan bersama jabatan-jabatan yang terlibat.
- 2.2 Wakil UPSI Holdings Sdn. Bhd. juga memaklumkan bahawa terdapat perubahan maklumat dari segi sasaran pengurangan pelepasan karbon dari

40% kepada 45%. Sasaran ini diambil berdasarkan sasaran yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) semasa persidangan COP21 yang telah diadakan di Paris pada tahun 2015.

- 2.3 Wakil UPSI Holdings Sdn. Bhd. membentangkan status terkini pengurangan pelepasan karbon bagi *Pilot Project* Pusat Bandar di Bandar Baru Bangi yang telah direkodkan di dalam LCCFTrack seperti berikut:
- i. Pengurangan jumlah pelepasan karbon sebanyak 3.07% sehingga November 2018.
 - ii. Peratusan jumlah pengurangan karbon tertinggi adalah bagi sektor pengurusan sisa pepejal dengan pengurangan sisa sebanyak hampir 10%.
 - iii. Peratusan jumlah pengurangan karbon terendah adalah Program Penanaman Pokok.
- 2.4 Wakil UPSI Holdings Sdn. Bhd. membentangkan jumlah skor pematuhan kriteria Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi pada tahun 2035 iaitu peratusan skor sebanyak 93% (Sangat Cemerlang) dengan kadar unjuran pelepasan karbon 2035 seperti berikut:
- i. Guna tanah : peningkatan sebanyak 0.65%
 - ii. Karbon terkandung : peningkatan sebanyak 22.38%
 - iii. Operasi sektor tenaga : pengurangan sebanyak 48%
 - iv. Operasi sektor air : pengurangan sebanyak 45%
 - v. Operasi sektor sisa pepejal : pengurangan sebanyak 40%
 - vi. Operasi sektor pengangkutan : pengurangan sebanyak 52%

Bagi penyerapan karbon pula, dijangka 5,887.48 tan karbon dioksida diserap dari landskap tumbuhan dan pokok bagi tempoh setahun sehingga 2035.

- 2.5 Wakil UPSI Holdings Sdn. Bhd. memaklumkan bahawa terdapat beberapa pindaan sasaran hasil dari siri perbincangan bersama pihak Jabatan Perancangan Pembangunan MPKj seperti berikut:
- i. **SaUE8** : Pindaan lokasi *Park & Ride*
 - ii. **SaB24** : Penetapan bilangan tanaman pokok dari 1,000 batang pokok kepada 500 batang pokok setahun

Tindakan: Makluman

3.0 PERBINCANGAN PERBENTANGAN CADANGAN AKHIR DRAF PELAN TINDAKAN PERBANDARAN RENDAH KARBON BANDAR BARU BANGI 2035

LCCFTrack 2018 Pilot Project: Pusat Bandar

- 3.1 Datuk Nizam Bin Sahari meminta pihak UPSI Holdings Sdn. Bhd. untuk mengemaskini data di dalam LCCFTrack bagi *Pilot Project* Pusat Bandar Bandar Baru Bangi sehingga Disember 2018 dengan data terkini dari Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MPKj.
- 3.2 Pengerusi mencadangkan lokasi Program Penanaman Pokok perlu disemak dan dibincangkan pada mesyuarat pelaksana bagi mengelakkan kejadian pokok ditebang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

- 3.3 Wakil UPSI Holdings Sdn. Bhd. meminta Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj untuk mengeluarkan surat kepada pihak Greentech bagi menutup data LCCFTrack *Pilot Project* Pusat Bandar Bandar Baru Bangi bagi tahun 2018, seterusnya melayakkan pihak MPKj untuk mendapat pengiktirafan 1 berlian.
- 3.4 Datuk Nizam Bin Sahari mencadangkan LCCFTrack *Pilot Project* Pusat Bandar Bandar Baru Bangi ini boleh diteruskan bagi tahun 2019.
- 3.5 Wakil UPSI Holdings Sdn. Bhd. memaklumkan bahawa *pilot project* yang sama tidak boleh diteruskan bagi LCCFTrack tahun 2019 melainkan dengan membuat penambahan sektor dan program atau dengan penambahan jumlah keluasan kawasan *pilot project*.
- 3.6 Pengerusi mencadangkan dua (2) sektor baru untuk dimasukkan di dalam LCCFTrack *Pilot Project* Pusat Bandar Bandar Baru Bangi seperti berikut:
- i. **Tenaga:** Penukaran lampu konvensional kepada lampu LED bagi lampu-lampu jalan dibawah penguatkuasaan MPKj di kawasan Bandar Baru Bangi. *Pilot project* ini dijangka dapat mengurangkan penggunaan tenaga elektrik sebanyak 30% dengan kadar pengurangan tenaga sebanyak 100watt bagi setiap lampu jalan yang ditukar.
 - ii. **Pengangkutan:** Laluan baru pengangkutan awam Bas Smart Selangor. Laluan baru ini bakal menghubungkan kawasan Bandar Baru Bangi sehingga ke Putrajaya.
- 3.7 Datuk Nizam Bin Sahari memaklumkan bahawa terdapat satu mesyuarat bersama Greentech bagi membincangkan pelaksanaan projek myRelamp, iaitu projek penukaran lampu jalan LED di kawasan bandar yang akan diadakan pada 14 Januari 2019 (Isnin) jam 10.00 pagi dan meminta wakil Bahagian M&E Jabatan Kejuruteraan untuk turut hadir bersama.

Tindakan: UPSI Holdings Sdn. Bhd., Jabatan Perancangan Pembangunan MPKj, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam MPKj dan Jabatan Landskap & Rekreasi MPKj.

Pelan Tindakan Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi 2035

- 3.8 Datuk Nizam Bin Sahari meminta kerjasama dari jabatan-jabatan yang terlibat untuk memasukkan aspek reka bentuk rendah karbon dalam pelan-pelan pembangunan di peringkat awal.
- 3.9 Pengerusi meminta supaya sekurang-kurangnya satu pusat kitar semula dapat dibina di kawasan Bandar Baru Bangi.
- 3.10 Datuk Nizam Bin Sahari mencadangkan pusat kitar semula dibina di tapak bersebelahan kawasan tanaman pokok nadir Taman Tasik Cempaka.
- 3.11 Pengerusi meminta supaya lokasi *Park & Ride* diintegrasikan dengan stesen dan laluan bas Smart Selangor baru iaitu laluan Bandar Baru Bangi - Putrajaya.

- 3.12 Datuk Nizam Bin Sahari mencadangkan lokasi *Park & Ride* di kawasan penampakan berhampiran Laman Niaga berhadapan dengan Hotel Tenera.
- 3.13 Datuk Nizam Bin Sahari meminta wakil Jabatan Kejuruteraan MPKj untuk menyemak semula rekod maklumat sedia ada kajian lalulintas *Traffic Impact Assessment* (TIA) bagi simpang-simpang utama di Bandar Baru Bangi.
- 3.14 Wakil Jabatan Kejuruteraan MPKj memaklumkan bahawa mereka sedang dalam proses perbincangan untuk mendapatkan kelulusan dari JKR bagi pembinaan laluan basikal di sepanjang Persiaran Bangi.
- 3.15 Ahli mesyuarat tidak bersetuju dengan Cadangan Larangan Kenderaan Persendirian (**rujuk sasaran SaUT4**) kerana akan menyukarkan pergerakan kenderaan komersil dan pergerakan penduduk untuk ke tempat kerja.
- 3.16 Pengerusi mencadangkan supaya larangan kenderaan persendirian dilakukan pada waktu dan hari tertentu seperti 'Program Bandar Baru Bangi Pagi Tanpa Kenderaan' yang pernah diadakan di Taman Tasik Cempaka pada 11 November 2018.
- 3.17 Wakil UPSI Holdings Sdn. Bhd. mencadangkan laluan penutupan semasa Program Hari Tanpa Kenderaan dihadkan di laluan yang pendek pada waktu tertentu tanpa menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk setempat.
- 3.18 Pengerusi mencadangkan sasaran jumlah pokok bagi penanaman pokok dipinda dari 500 batang pokok kepada 1,000 pokok pada masa akan datang tertakluk kepada keadaan kewangan semasa Majlis memandangkan terdapat sebilangan besar tanah kosong di sekitar Bandar Baru Bangi yang berpotensi untuk dijadikan sebagai lokasi penanaman pokok.
- 3.19 Pengerusi berpandangan positif dan optimistik bahawa cadangan-cadangan di dalam Pelan Tindakan ini boleh dicapai dengan kerjasama dari semua agensi dan jabatan yang berkaitan.
- 3.20 Pengerusi memaklumkan bahawa Pelan Tindakan Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi 2035 ini menjadi panduan kepada pihak majlis untuk melaksanakan pembangunan perbandaran rendah karbon. Cadangan-cadangan dalam pelan tindakan ini adalah fleksible serta bergantung kepada sumber semasa pihak agensi pelaksana.
- 3.21 Mesyuarat memutuskan Pelan Tindakan Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi 2035 ini diterima dengan beberapa pindaan yang telah dibincangkan dan pihak UPSI Holdings Sdn. Bhd. diminta agar dapat memberi khidmat nasihat kepada pihak Majlis pada masa akan datang supaya tindakan yang dilaksanakan adalah selaras dengan pelan tindakan yang telah dihasilkan.

Tindakan: UPSI Holdings Sdn. Bhd., Jabatan Perancangan Pembangunan MPKj, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam MPKj, Jabatan Landskap & Rekreasi MPKj, Jabatan Kejuruteraan MPKj, Jabatan Perlesenan & Penjaja dan Jabatan Kawalan Bangunan MPKj.

4.0 HAL-HAL LAIN

- 4.1 Pengerusi meminta satu perbincangan diadakan bersama Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Kejuruteraan bagi membincangkan laluan baru Bas Smart Selangor dan maklumat TIA yang terdapat di dalam rekod simpanan Jabatan Kejuruteraan.
- 4.2 Datuk Nizam Bin Sahari mencadangkan tindakan dan sasaran dalam Pelan Tindakan Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi 2035 dibincangkan dalam Jawatankuasa Pelaksana Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi yang dipengerusikan oleh Timbalan Yang Dipertua, Tuan Haji Najmuddin Bin Jemain untuk menentukan perancangan pelaksanaan.
- 4.3 Wakil UPSI Holdings Sdn. Bhd. memaklumkan bahawa terdapat satu anugerah yang dianjurkan oleh Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM) iaitu Malaysia Landscape Architecture Awards 2018 dan mencadangkan pihak MPKj untuk menghantar penyertaan bagi anugerah ini.

**Tindakan: Jabatan Perancangan Pembangunan
MPKj, Jabatan Kejuruteraan MPKj,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal &
Pembersihan Awam MPKj dan Jabatan
Landskap & Rekreasi MPKj.**

5.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

- 5.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.50 pagi.

Disediakan oleh:



(NURSHAZWANI BINTI MOHAMAD OSMAN)
Pegawai Perancangan Bandar dan Desa,
Jabatan Perancangan Pembangunan,
Majlis Perbandaran Kajang

Disemak oleh:



(DATUK NIZAM BIN SAHARI D.P.S.M)
Pengarah,
Jabatan Perancangan Pembangunan,
Majlis Perbandaran Kajang

Disahkan oleh:



(DATO' MOHD SAYUTHI BIN BAKAR D.P.M.S, S.M.S)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kajang

